

# Malaysia mahu beli aset tentera dari Turkiye

Keputusan spesifikasi diserahkan kepada Majlis Angkatan Tentera tanpa campur tangan pihak lain

Daripada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman di New York  
madzaini@mediaprima.com.my

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menyatakan hasrat Malaysia kepada Turkiye untuk membeli aset pertahanan dari negara itu.

Namun, keputusan berhubung spesifikasi diserahkan kepada Majlis Angkatan Tentera tanpa gangguan atau campur tangan pihak lain.

"Polisi saya, seperti dimaklumkan kepada ketua turus bersama adalah kita tidak mahu sebarang campur tangan mengenai apa (aset) yang perlu dan dibeli.

"Sebelum ini, ada aset ketenteraan dibeli dari Korea Selatan dan peralatan yang sesuai dan yang mahu dibeli dari Turkiye akan diputuskan oleh Majlis Angkatan Tentera.

"Kita mungkin lihat dron dan helikopter, lihat pengkhususan dan kepakaran Turkiye. Namun, saya serahkan pada pihak tentera, mana yang terbaik," katanya selepas pertemuan dua hala dengan Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan, di sini.

Perdana Menteri berada di New York bagi menyertai pemimpin dunia menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-78.

Ini kemunculan pertama Anwar sebagai Perdana Menteri pada perhimpunan tahunan itu dan beliau dijadual menyampaikan Kenyataan Negara Malaysia dalam Debat Umum di Ibu Pejabat PBB.

Mengulas lanjut hasrat Malaysia untuk membeli aset pertahanan dari Turkiye itu, beliau berkata, terpulang kepada Kementerian Pertahanan untuk berunding dengan Kementerian Kewangan dan Turkiye dalam pembelian aset berkenan.

"Dasar saya ialah seperti yang saya katakan, kepada Ketua Tu-



Anwar dan Seyed Ebrahim Raisi mengadakan pertemuan di New York, semalam. (Foto BERNAMA)

rus Bersama (Joint Chief of Staff), kita tidak mahu sebarang campur tangan mengenai apa yang perlu diperoleh, apa yang perlu dibeli," katanya.

Pada masa sama, Anwar berkata, Erdogan juga sudah menyatakan persetujuan untuk melawat Malaysia pada Disember depan.

#### Bertemu Presiden Sri Lanka, Iran

Sementara itu, BERNAMA melaporkan, Perdana Menteri turut mengadakan pertemuan dengan Presiden Sri Lanka, Ranil Wickremesinghe semalam dengan kedua-dua negara bersetuju untuk mengukuhkan hubungan dua hala dalam pelbagai sektor.

"Dalam mesyuarat, kami bersetuju mengukuhkan hubungan dua hala dalam pelbagai sektor untuk faedah bersama," kata Anwar dalam kenyataan yang dikeluarkan pejabatnya selepas mesyuarat itu.

Menurut Perdana Menteri, sektor berkenaan, termasuk pertukaran lawatan peringkat tertinggi; sektor perdagangan dan pelaburan; pendidikan; pelancangan dan kebudayaan serta pembangunan sumber manusia.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, pertemuan itu juga memberi peluang kedua-dua negara meneroka bidang kerjasama baharu dalam usaha memperkukuh kerjasama sedia ada.

"Semoga kerjasama ini dapat memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dan Sri Lanka," kata Anwar.

Menerusi Facebook juga, Perdana Menteri turut berkongsi hasil pertemuan dengan Presiden

Iran, Seyed Ebrahim Raisi, memaklumkan Malaysia akan memperkukuh hubungan dua hala dengan Iran dalam pelbagai bidang.

"Dalam pertemuan ini, saya nyatakan hasrat Malaysia untuk memperkukuh hubungan dua hala dengan Iran melalui kerjasama dalam bidang ekonomi, pendidikan, keterjaminan makanan, sains dan teknologi serta menerokai potensi kerjasama baharu," katanya.

Pada pertemuan itu, katanya, Malaysia turut mengulangi komitmen mengadakan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama (JCM) dan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Ekonomi (JEC) antara kedua-dua negara bagi mengahului semua potensi skop kerjasama.

Sementara itu Perdana Menteri akan meneruskan usaha giat kerajaan untuk menarik pelabur global dengan mengadakan pertemuan dengan pemimpin industri dan penggiat pasaran global.

Pada hari kedua di sini semalam, Anwar yang juga Menteri Kewangan menyertai perbincangan meja bulat dengan syarikat Fortune 500 di Harvard Club, dianjurkan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) serta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Perdana Menteri kemudian berucap pada acara Invest Malaysia New York yang dianjurkan Bursa Malaysia. Dalam kedua-dua program berprofil tinggi itu, beliau turut mengadakan pertemuan dengan usahawan dan pelabur baharu yang berpotensi dari Amerika Syarikat (AS).